

28 AUG 1996

Halim-Jawatan (Bergambar)

HALIM TIDAK SANGKA SANDANG JAWATAN KSN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Setelah lebih 30 tahun berkhidmat hanya di Kementerian Luar Negeri, Datuk Abdul Halim Ali, tidak menyangka bahawa beliau akan menyandang jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam negara.

Abdul Halim, yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baru berkuatkuasa 17 Sept ini, berkata perlantikan itu adalah penghormatan yang amat besar bagi dirinya kerana ia adalah kali pertama seorang pegawai dari Kementerian Luar Negeri dipilih menyandang jawatan itu.

"Perlantikan ini tidak saya duga sama sekali tetapi saya rasa amat gembira terhadap kepercayaan yang diberi oleh kerajaan kepada saya untuk memegang jawatan yang begitu penting dan begitu tinggi ini," katanya ketika ditemui pemberita di Wisma Putra di sini selepas pengumuman oleh Jabatan Perdana Menteri mengenai perlantikan itu.

Halim, 52, yang mengucapkan terima kasih dan penghargaan khususnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid atas keyakinan mereka kepadanya, berkata segala pengalamannya di kementerian itu akan berguna untuk tugas baru itu kelak.

Halim secara kebetulan mengambil alih jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Luar hari ini daripada Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar yang bersara.

Ini bermakna beliau akan tercatat dalam sejarah pentadbiran negara sebagai Ketua Setiausaha sebarang kementerian yang paling singkat memegang jawatan.

Halim yang sebelum ini menjadi Timbalan Ketua Setiausaha (1), akan memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Luar hanya untuk 20 hari sebelum menjawat jawatan KSN.

Beliau akan menggantikan Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, yang perkhidmatannya telah disambung dua kali selepas beliau mencapai umur persaraan 55 tahun.

Kakitangan Wisma Putra pagi ini mendengar amanat Halim sebagai Ketua Setiausaha baru kementerian itu.

Mereka yang ditemui berkata mereka gembira menerima berita perlantikan beliau itu walaupun pada mulanya mereka seperti tidak percaya.

Ketika ditanya mengenai agendanya dalam tugas baru nanti Halim berkata: "Saya tahu sedikit sebanyak tentang kehendak kerajaan, tentang nak meningkatkan lagi keberkesanan dan produktiviti perkhidmatan awam.

"Saya sudah balik dan berada di Malaysia sudah enam tahun dan kita sudah melihat bagaimana bertambah baiknya perkhidmatan awam hari ini dan ini adalah usaha yang cukup baik yang dijalankan oleh Tan Sri Ahmad Sarji sendiri dan saya percaya dengan segala infrastruktur dan perubahan yang telah beliau buat, saya akan dapat meneruskan usaha-usaha yang telah beliau jalankan."

Halim, seorang lulusan B.A. (Hons) dari Universiti Malaya telah berkhidmat di kementerian itu selama 30 tahun empat bulan. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Timur Tengah dan memegang pelbagai jawatan lain sehingga ke jawatan tertinggi sebagai Ketua Setiausaha mulai hari ini.

"Sejak mula saya berkhidmat, di Kementerian Luar Negeri sahajalah tempat saya. Sungguhpun demikian saya percaya pengalaman saya di kementerian ini akan didapati berguna dalam tugas yang baru ini," katanya.

Mengenai keutamaan dalam tugas baru nanti beliau berkata: "Secara

spesifik tak dapat saya beritahu hari ini, tentu sekali saya perlu berjumpa Tan Sri Ahmad Sarji, Perdana Menteri dan sebagainya untuk mendapat panduan dan pandangan tentang usaha yang perlu dilaksanakan secara priority (keutamaan)."

Ketika ditanya bila beliau diberitahu mengenai perlantikan itu, beliau berkata: "Adalah, sebelum ini telah dinyatakan tentang perakuan yang dibuat kepada saya tetapi pengumuman secara rasmi ialah hari ini, pengumuman yang dibuat hari ini tak diduga".

Dr Mahathir sendiri juga pernah menyatakan kepadanya mengenai perlantikan itu, katanya.

Halim berkata beliau akan memberi perhatian kepada segala perkara berkaitan dengan perkhidmatan awam termasuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan menjaga kebajikan kakitangan di semua peringkat.

Sebagai seorang Ketua Setiausaha kementerian yang paling singkat dalam sejarah perkhidmatan awam, Halim juga mungkin tidak berpeluang menduduki bilik barunya di Wisma Putra kerana bilik itu sedang diubahsuai.

Tengah hari ini apabila pulang ke Wisma Putra dari jamuan tengah hari bersama diplomat asing, beliau mendapat ucapan tahniah daripada beberapa pegawai Wisma Putra yang menunggu kepulangannya setelah mereka mengetahui mengenai berita berhubung perlantikan itu.

Halim kemudian terus menghadiri satu mesyuarat selepas mesyuarat kabinet dan dalam tempoh itu sekurang-kurangnya dua jambangan bunga dihantar kepadanya. Beliau sendiri tidak mengetahui mengenainya kerana belum masuk pejabat.

Pagi ini dalam perjumpaan dengan para pegawai Wisma Putra, beliau meminta mereka meningkatkan usaha bagi melaksanakan segala dasar kerajaan dengan sebaik-baiknya bagi menghadapi Abad ke-21.

"Kita juga sedang mengambil segala langkah bagi melaksanakan atau mencapai Wawasan 2020 dalam mana hubungan antarabangsa merupakan elemen yang cukup penting," katanya pada perjumpaan itu.

-- BERNAMA

AFY NAK MAI